

TARIKH : 1 OKTOBER 2025
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA : 2
SURAT

Purata pendapatan bulanan isi rumah naik kepada RM9,155



Amir Hamzah (tengah) bergambar bersama tetamu pada perasmian Minggu Ekonomi Dan Kewangan Awam (MEKA) 2025 di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Nabila Adlina Asahar/BER)

Purata pendapatan bulanan isi rumah naik kepada RM9,155

Negara berada di landasan betul tingkat pendapatan, membasmi kemiskinan rakyat

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Purata pendapatan bulanan isi rumah meningkat kepada RM9,155 pada 2024 berbanding RM7,901 pada 2019, menurut data awalan Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (HIES) 2024 yang diterbitkan dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13).

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan dalam ucapan perasmian Minggu Ekonomi Dan Kewangan Awam (MEKA) 2025 bertepatan RMK13, Melakar Semula Pembangunan di sini, semalam berkata insiden kemiskinan mutlak pula menunjukkan penambahbaikan. Ia itu 5.8 peratus berbanding 8.4 peratus yang dicatatkan pada 2020 akibat pandemik COVID-19.

Sementara itu, beliau berkata, hasil HIES 2024 akan dibentangkan sebelum akhir Oktober 2025.

Menteri Ekonomi berkata, ber-

dasarkan data awal kaji selidik itu menunjukkan perkembangan positif dari segi pendapatan isi rumah dan sasaran pengurangan kadar kemiskinan di negara ini.

Menjaga kerangka ekonomi

Katanya, hasil HIES 2024 itu juga akan memberi gambaran jelas bahawa negara berada di landasan yang betul dalam meningkatkan pendapatan rakyat dan membasmi kemiskinan.

"Kami akan umumkan HIES (2024) sebelum akhir Oktober. Saya fikir anda akan melihat usul positif bahawa negara telahpun bergerak ke kerangka yang betul.

"Kita nampak penambahbaikan bukan sahaja daripada segi pendapatan, tetapi juga dari segi sasaran mengurangkan kemiskinan yang ada di dalam negara ini," katanya pada sidang media selepas majlis perasmian MEKA 2025.

Yang hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi, Datuk Nor Azmie Diron dan Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan), Datuk Dr Mohd Bakhari Ismail.

Ibadat & Fadilat

Diriwayatkan oleh Abu Huraira: Rasulullah saw bersabda, "Sesiapa yang melakukan wuduk hendaklah membersihkan hidungnya dengan air dengan memasukkan air ke dalamnya dan kemudian meniupnya dan barangsiapa membersihkan bahagian peribadinya dengan batu hendaklah melakukannya dengan jumlah batu yang ganjil." (Hadis Bukhari)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:59	1:11	4:24	7:12	8:21
Alor Setar	5:58	1:10	4:23	7:11	8:20
P. Pinang	5:58	1:11	4:23	7:11	8:20
Ipoh	5:56	1:08	4:19	7:10	8:18
Kuala Lumpur	5:53	1:06	4:16	7:07	8:16
Shah Alam	5:53	1:06	4:16	7:07	8:16
Johor Bahru	5:44	12:57	4:04	6:59	8:08
Kuantan	5:48	1:00	4:09	7:02	8:10
Seremban	5:52	1:04	4:13	7:06	8:15
Bandar Melaka	5:51	1:03	4:12	7:05	8:14
Kota Bharu	5:51	1:04	4:16	7:05	8:10
K. Terengganu	5:47	12:59	4:12	7:00	8:09
Kota Kinabalu	4:55	12:08	3:20	6:08	7:18
Kuching	5:19	12:32	3:40	6:34	7:43